

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]**  
**TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)**  
**SOALAN : Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan perancangan Kementerian untuk memajukan pertanian padi organik. Di manakah pengeluaran padi organik di Malaysia dan berapakah pengeluarannya setahun.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Buat masa ini, pihak Kementerian masih dalam perancangan untuk menggalakkan penanaman padi organik secara lebih meluas di Malaysia. Setakat ini, padi organik ini telah pun diusahakan dan ditanam di dua (2) kawasan iaitu di Kelantan dengan keluasan empat (4) hektar dan di Kedah dengan kawasan seluas 9.464 hektar. Kedua-dua ladang ini telah mendapat pengiktirafan Skim Organik Malaysia (SOM). Bagi tahun 2013, jumlah pengeluaran padi organik yang telah mendapat pengiktirafan SOM adalah sebanyak 113.176 metrik tan. Pengeluaran padi organik di Kelantan adalah sebanyak tujuh (7) metrik tan sehektar menjadikan jumlah pengeluaran berjumlah 28 metrik tan setahun manakala bagi negeri Kedah, jumlah pengeluaran padi organik adalah sebanyak 85.176 metrik tan dengan hasil sebanyak sembilan (9) metrik tan sehektar.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH**  
**KAWASAN : KUALA TERENGGANU**  
**TARIKH : 17 JUN 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH (KUALA TERENGGANU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tarikh siap Lebuh Raya Kuantan ke Kuala Terengganu (LPT2) masih dijadualkan siap pada September 2014 dan jika tidak, apakah langkah-langkah untuk mempercepatkan siap projek tersebut dengan bersegera.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2014 kemajuan fizikal keseluruhan projek Lebuh Raya Pantai Timur, Fasa 2 (LPT2) di Terengganu ialah 95%. Pada masa kini 104km dari 184km jarak keseluruhan LPT2 telah dibuka kepada pengguna, iaitu melibatkan laluan dari persimpangan Kuala Terengganu – Bukit Besi – Paka. Manakala baki laluan LPT2 yang masih belum disiapkan – iaitu dari persimpangan Jabor ke Paka sepanjang 80km – dijangka akan disiapkan mengikut tempoh kontrak dan akan dibuka kepada lalu lintas sepenuhnya pada bulan September 2014.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]**

**TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada pelbagai bantuan yang diterima oleh seseorang penerima bantuan dianggap pendapatan sehingga sekiranya jumlah penerimaan bantuan seseorang miskin am melebihi had kelayakan, individu yang berkenaan dianggap tidak lagi layak untuk menerima bantuan dan apabila salah satu bantuan ditarik balik, individu yang berkenaan menjadi miskin semula.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Pihak kerajaan amat prihatin ke atas masalah dan cabaran yang dihadapi oleh golongan yang memerlukan. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan seperti orang kurang upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak, ibu tunggal dan mangsa bencana supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna.

Bagi memastikan kadar skim bantuan yang disediakan sentiasa relevan dengan keadaan semasa, KPWKM telah mengguna pakai mekanisme kriteria kelayakan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk menentukan kelayakan menerima bantuan kebajikan.

Tuan Yang Dipertua,

Pendapatan yang dikira dalam menentukan kelayakan adalah jumlah pendapatan kasar ahli isi rumah termasuk gaji, sumber pendapatan lain seperti penerimaan pencen serta bantuan bulanan yang diterima dari agensi kerajaan lain seperti bantuan zakat atau baitulmal. Sekiranya pendapatan yang diperolehi masih di bawah PGK, bantuan kebajikan akan terus disalurkan bagi membolehkan penerima menjalani hidup yang sempurna.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]**  
**TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)**  
**SOALAN : Tuan Gooi Hsiao-Leung minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan BERNAS dan lain-lain pengilang beras tidak terus mengenakan pemotongan tidak adil kepada harga padi yang dijual terus oleh pesawah padi kepada yang sama.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan pelaksanaan pemutuan yang adil dan telus adalah:

1. menguatkuasakan pelaksanaan pemutuan padi sebenar sambil disaksikan oleh tiga (3) pihak iaitu pesawah, wakil Pertubuhan Peladang Kawasan dan BERNAS;
2. mengadakan sesi *engagement* dengan golongan pesawah, pembeli padi dan pengilang padi untuk menerangkan konsep pemutuan sebenar padi dan kepentingan amalan pertanian baik; dan
3. mengedar dan menampal poster berkaitan pemutuan padi di kilang-kilang BERNAS untuk panduan pesawah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK  
[ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 17 JUN 2014**

**SOALAN :**

**Tuan William @ Nyallau anak Badak [ Lubok Antu ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan bahawa memandangkan urusan perimeter survey untuk tanah NCR rumah-rumah panjang dan kampung-kampung di Sarawak yang mengambil masa yang agak lama, maka bolehkah syarat-syarat program bantuan pekebun-pekebun kecil tanaman sawit di bawah MPOB diteruskan tanpa menunggu perimeter *survey* disiapkan terlebih dahulu.**



## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah program bantuan pekebun kecil sawit yang dilaksanakan melalui Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK), salah satu syarat yang dikenakan adalah pemohon perlu mempunyai bukti pemilikan yang sah ke atas kawasan yang hendak ditanam dengan sawit. Bukti ini boleh dalam bentuk salinan geran yang sah atau resit pembayaran premium tanah jika geran belum dikeluarkan.

Bagi negeri Sarawak, kebanyakan tanah yang dipohon untuk tanaman sawit adalah berstatus NCR yang tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan ini, bagi membolehkan pekebun-pekebun kecil Sarawak yang mempunyai tanah berstatus NCR menikmati bantuan tersebut, Kementerian telah menetapkan supaya pemohon-pemohon mendapat sokongan daripada Tuai Rumah (ketua rumah panjang) mengenai kedudukan tanah mereka dan bahawa pemohon adalah orang yang telah mengusahakan tanah tersebut.

Bagi mempercepatkan proses semakan ke atas tanah, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah mendapatkan kerjasama dari Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) bagi menyemak dan mengesahkan kelulusan. Sehingga Mei 2014, JPS telah mengesahkan kawasan yang layak untuk menerima bantuan tanaman sawit adalah seluas 10,295.64 hektar, yang melibatkan 5,147 orang pekebun kecil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN  
NAINA MERICAN  
[ KEPALA BATAS ]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 JUN 2014 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengenai masa hadapan penggunaan teknologi nuklear di Malaysia. Apakah hala tuju sebenar negara dalam kemungkinan nuklear sebagai sumber tenaga alternatif di masa hadapan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini, Kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai penggunaan nuklear sebagai salah satu daripada bahanapi bagi penjanaan tenaga elektrik. Aktiviti yang sedang dilaksanakan melalui Malaysian Nuclear Power Coporation pada masa ini adalah tertumpu kepada kajian-kajian terperinci untuk mengenal pasti pelbagai keperluan dan kesediaan negara sekiranya sesuatu projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan itu. Kerajaan akan mengkaji dan meneliti secara terperinci dan komprehensif semua aspek sebelum sebarang keputusan diambil berhubung dengan penggunaan nuklear sebagai salah satu daripada bahanapi bagi penjanaan tenaga elektrik.

\*\*\*\*\*